

Bekas ketua UMNO digugur tidak boleh berdendam

UM - 6 DEC 2003

KUALA LUMPUR 5 Dis. — Bekas ketua bahagian UMNO di Kelantan yang tidak berpuas hati kerana digugurkan dari senarai penaja oleh Majlis Tertinggi (MT) boleh merebut kembali kedudukan mereka dalam pemilihan UMNO yang dijadualkan berlangsung tahun depan.

Oleh kerana itu, mereka perlu melupakan kekecewaan masing-masing sebaliknya bekerja sama dengan ketua-ketua penaja yang baru bagi memastikan UMNO kembali merampas Kelantan pada pilihan raya umum yang akan datang.

Ahli MT, Tengku Razaleigh Hamzah berkata, ketua-ketua bahagian sama ada yang telah digugurkan atau yang baru tidak boleh berdendam sebaliknya perlu berusaha merapatkan barisan di kalangan penyokong masing-masing.

“Terimalah keputusan itu, tidak boleh buat apa-apa lagi kerana keputusan itu nampaknya muktamad dan pilihan raya pula amat hampir dan kita kenalah bersatu hati dan bekerja sama dalam satu pakatan untuk rampas kuasa di Kelantan.

“Biarlah kita hadapi pilihan raya dulu dan kalau ada rezeki mereka ini boleh menawarkan diri untuk dipilih dalam pemilihan parti yang tinggal tidak berapa bulan sahaja lagi.

“Sekiranya mereka ini masih popular dan masih dikehendaki oleh orang peringkat bawah sebagai mana yang mereka dakwa, saya rasa tidak menjadi kesulitan untuk mereka dapat balik tempat yang mereka hilang tadi,” tegasnya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar bagi mengumumkan tarikh pelancaran tiga badan di bawah inisiatif Kongres Pendidikan Melayu di sini hari ini.

Kucar kacir

Tengku Razaleigh diminta mengulas sama ada pengguguran empat ketua bahagian UMNO di Kelantan oleh MT pada akhir bulan lalu akan menyebabkan UMNO Kelantan kucar kacir untuk menghadapi pilihan raya umum ke-11.

Pada 22 November lalu, MT UMNO yang mengumumkan nama-nama ketua-ketua penaja di 191 bahagian seluruh negara hasil persempadanan semula kawasan pilihan raya telah menggugurkan lima ketua bahagian yang mana empat darinya ialah di Kelantan.

Mereka ialah Datuk Ibrahim Ali di Pasir Mas, Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd. Nor di Bachok, Datuk Wan Zaid Wan Abdullah di Kuala Krai dan Tuan Hashim Tuan Yaakob di Kubang Kerian.

Seorang lagi yang digugurkan ialah ketua bahagian UMNO Permatang Pauh di Pulau Pinang iaitu Datuk Ahmad Saad.

Dua lagi ketua bahagian iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tan Sri Mohamed Rahmat berundur secara sukarela di bahagian masing-masing iaitu Kubang Pasu dan Pulau.

Ketua-ketua bahagian yang digugurkan itu termasuk Ibrahim yang pernah menjadi timbalan menteri pada satu ketika dahulu, dilaporkan tidak berpuas hati dan mempertikaikan tindakan MT itu.

Menurut Tengku Razaleigh, usaha MT untuk mengukuhkan parti itu di Kelantan akan sia-sia sekiranya ketua penaja yang baru dilantik gagal merapatkan barisan di kalangan akar umbi.

Oleh itu, katanya, mereka perlu berusaha untuk menarik penyertaan para penyokong ketua-ketua bahagian yang digugurkan dalam kerja-kerja parti.

“Tujuan kita ialah untuk memperkukuhkan parti supaya dapat menghadapi lawan dengan kesetiakawanan yang kuat, tetapi nampaknya para penyokong (ketua bahagian yang digugurkan) juga turut terguris.

“Jadi (ketua penaja yang baru) kena turunlah dan ajak mereka bersama-sama,” katanya.